

## SEWAH GILA

Brush/ Rusty-breasted  
Cuckoo

FAMILI: Cuculidae

NAMA SAINTIFIK: *Cacomantis sepulcralis*



### CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini menyerupai spesies Sewah Mati Anak, *C. merulinus*, tetapi bahagian atas badan berwarna kelabu manakala bahagian bawah badan berwarna perang lembut ke warna merah mengunjur ke bahagian tengah rengkong. Individu ini mempunyai jalur sekeliling mata yang berwarna kuning. Bagi individu juvenil pula, ia mempunyai bahagian atas badan yang gelap serta terdapat jalur-jalur yang terputus-putus berwarna kuning pucat ke warna kemerahan.

### SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 21.5-24.0 sm.

### MAKANAN

Serangga, invertebrata, mamalia kecil dan buah beri.

### HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, hutan campuran, kawasan pinggir hutan, hutan sekunder dan adakalanya dijumpai di kawasan pertanian, pada ketinggian sehingga ke 600 m dari aras laut.

### BUNYI

Individu jantan bagi spesies ini mengeluarkan siri bunyi di antara 6-15 siulan bunyi yang mendatar *whi whi whi whi whi*. Biasanya bunyi kedua yang dihasilkan adalah meningkat *whi-wihu* atau *whi-w'hu*.

### TABIAT

Spesies ini mencari makanan di celah-celah daun dan dahan pokok.

### PEMBIAKAN

Spesies ini membiak dengan cara meletakkan telur di sarang burung spesies yang lain sebagai contoh pada sarang sesies burung Sambar *Rhipidura spp*, *Rhinomyias spp* dan sebagainya. Telur yang dihasilkan adalah seperti telur perumah berukuran kira-kira 19.5 X 14.8 mm secara purata.

### STATUS

Akta 76/72, tidak dipelihara.